

myMetro ■ Bisnes

Jana RM707.5 bilion

Oleh Siti A'isyah Sukaimi
sitiaisyah@hmetro.com.my

A+ A-



HASIL BANCIAN...Pembantu Tadbir Bahagian Korporat, Jabatan Perangkaan, Azlina Mohamad Basri, menunjukkan buku laporan Banci Ekonomi 2011.

LAPORAN Banci Ekonomi 2011 mendapat sejumlah 662,939 pertubuhan perniagaan yang aktif beroperasi di negara ini pada 2010 dengan 127,422 atau 19.2 peratus daripadanya dimiliki wanita.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop berkata, daripada jumlah itu, pemilikan golongan wanita paling banyak dalam sektor perkhidmatan iaitu 91.5 peratus, diikuti sektor pembuatan 6.9 peratus dan pembinaan 1.1 peratus.

"Pada 2010 juga didapati jumlah pekerja dalam sektor ekonomi utama ini adalah hampir tujuh juta orang, dengan sektor perkhidmatan mengajak pekerja paling ramai iaitu 52.9 peratus, diikuti sektor pembuatan 26 peratus dan sektor pembinaan 14 peratus," katanya pada sidang media mengenai laporan itu di Putrajaya, semalam. Hadir sama, Ketua Perangkawan, Dr Abdul Rahman Hasan. Laporan itu mendapat 89.2 peratus daripada jumlah pertubuhan perniagaan berkenaan adalah sektor perkhidmatan, sementara enam peratus aktiviti pembuatan, pembinaan (3.3 peratus), pertanian (1.3 peratus) manakala perlombongan dan pengkuarian (0.06 peratus). Nor Mohamed berkata, pertubuhan perniagaan berkenaan berjaya menjana nilai ditambah iaitu jumlah keluaran barang dan perkhidmatan RM707.5 bilion.

Katanya, daripada jumlah itu, sektor perkhidmatan menyumbang RM371.6 bilion, diikuti sektor pembuatan (RM170.7 bilion) serta perlombongan dan pengkuarian (RM88.7 bilion).

Beliau berkata, laporan itu juga merekodkan 130,917 pekerja di sektor perkhidmatan khususnya membabitkan subsektor perkhidmatan maklumat dan komunikasi menerima gaji secara purata RM4,068 sebulan.

"Sektor perkhidmatan pengangkutan dan penyimpanan, gaji purata membabitkan 276,374 pekerja sebanyak RM2,728 sebulan, manakala gaji purata 101,742 pekerja dalam perkhidmatan pendidikan RM2,593. "Bagi perkhidmatan perniagaan, seramai 307,507 pekerja menerima gaji purata RM2,141 sebulan, manakala bagi 81,795 pekerja dalam perkhidmatan kesihatan dan kerja sosial gaji purata RM2,124, sementara perkhidmatan penginapan gaji purata bagi 108,538 pekerja ialah RM1,485 sebulan," katanya.